

16 JAN 1999

Mahathir-Kritik

MAHATHIR AKAN CARI SEBAB KRITIKAN KE ATAS MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menggunakan Forum Ekonomi Dunia yang dijadual berlangsung di Switzerland akhir bulan ini untuk mencari sebab Malaysia dikritik secara berterusan sejak kebelakangan ini.

"Banyak sangat kritikan ke atas apa yang kita lakukan. Oleh itu saya mahu tahu kenapa terdapat kritikan ke atas kita yang menafikan bahawa kita berada dalam keadaan baik", katanya ketika ditanya mengenai penyertaannya dalam forum itu semasa ditemubual oleh Radio dan Television Malaysia.

Temubual itu diadakan selepas rakaman perutusan ucapan Perdana Menteri sempena Hari Raya Aidilfitri di Wisma TV di Angkasapuri di sini.

Dr Mahathir berkata beliau juga akan menggunakan kesempatan itu untuk menceritakan pengalaman Malaysia dalam usahanya mengatasi krisis ekonomi dan kewangan yang melanda Asia.

"Saya tidak mengharapkan sokongan. saya hanya mahu memberitahu mereka bahawa itulah pengalaman kita. Sama ada mereka percaya atau tidak, terpulanglah kepada mereka", katanya.

Malaysia telah dikritik kerana mengambil tindakan "drastik" sebagai langkah melindungi ekonominya daripada tindakan perdagangan mata wang antarabangsa, termasuk memperkenalkan kawalan matawang yang selektif pada September tahun lepas.

Tetapi dalam banyak keadaan, Dr Mahathir yang mempertahankan langkah itu, berkata ia telah mendorong kebangkitan aktiviti dalam sektor kewangan, automotif dan hartanah.

Mengenai pakej bantuan Jepun bernilai US\$30 bilion untuk negara-negara Asia yang dilanda kegawatan ekonomi, perdana menteri berkata negara itu meminta Malaysia menyatakan secara terperinci apakah tujuan wang yang bakal dipinjam itu.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada terdapat pihak atau negara lain yang berusaha menyekat atau mempengaruhi Jepun dalam soal pemberian pinjaman kepada Malaysia.

"Kita syak ada negara-negara yang tidak begitu senang hati. Apa yang mereka buat kita tidak tahulah, tapi nampak jelas mereka tidak senang hati", katanya.

Kepada satu soalan lain, Dr Mahathir berkata Asean mampu memulihkan ekonominya melalui langkah-langkah yang diambil secara berasingan.

Mengenai penggunaan mata wang negara anggota Asean dalam aktiviti perdagangan, Dr Mahathir berkata walaupun ia mendapat sambutan, pelaksanaannya masih tidak memuaskan.

-- BERNAMA

MAM LAT